

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ترافقې كجيواعن TERAPI KEJIWAAN

TAJUK:

Berikhtiar / Berusaha Dalam Suasana Pandemi



مَنْتَبَرِنِ حَالِ اِحْوَالِ اَكْبَرِ

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM





“...Sebagai umat Islam yang beriman, kita hendaklah sentiasa bersabar dan jangan lalai daripada berikhtiar dan berdoa. Dalam mengharungi suka duka kehidupan, marilah kita berpandukan firman Allah Ayat 155 dan 156 dalam Surah al-Baqarah yang mafhumnya: "Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar". [Ayat : 155]. Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata: Sesungguhnya Kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali," [Ayat : 156]...”

(Sidang Media Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama pada Isnin 3 Sya'aban 1441H bersamaan 30 Mac 2020M.)

Berikhtiar / Berusaha Dalam Suasana Pandemi

Apa dia 'Ikhtiar'?

Ikhtiar mengikut kamus bahasa melayu bererti pilihan, pertimbangan, kehendak atau pendapat yang terbaik. Ia juga bermaksud daya, upaya dan juga berusaha. Hakikatnya, orang yang berikhtiar ialah mereka yang berusaha dengan sedaya upaya dengan memilih keputusan yang terbaik dari bermacam-macam pilihan yang ada.

Hadith Rasulullah ﷺ

Dari Abu Hurairah, meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, yang bermaksud:

"Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah. Namun, keduanya tetap memiliki kebaikan. Bersemangattah atas hal-hal yang bermanfaat bagimu. Mohonlah pertolongan kepada Allah, jangan engkau lemah. Jika engkau tertimpa suatu musibah, maka janganlah engkau katakan: 'Seandainya aku lakukan demikian dan demikian.' Namun katakanlah: 'Inilah takdir Allah, apa yang Dia kehendaki pasti terjadi...'" (Hadith Riwayat Muslim).

Ikhtiar & Doa

Di dalam berikhtiar, jangan pula kita lupakan peranan doa dalam berikhtiar. In sha Allah dengan doa, Allah mempermudah segala urusan seharian kita dan mengisinya dengan keberkatan dan kebaikan.

Dari Salman al-Farisi meriwayatkan bahawa, Rasulullah ﷺ bersabda, yang bermaksud: "Tidak ada yang dapat menolak qada' kecuali doa, dan tidak ada yang dapat menambah (kualiti) usia kecuali ketaatan." (Hadis Riwayat At-Tirmizi).

Dari Ali bin Abi Talib meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, yang bermaksud: "Doa adalah senjata seorang Mukmin dan tiang (pilar) agama serta cahaya langit dan bumi. (Hadith riwayat Abu Ya'la).

Tawakkal

Apabila kita berikhtiar berusaha semampunya, maka bertawakkal dan berserah dirilah kepada Allah, kerana semuanya ini adalah atas kehendaknya jua. Jika Allah tidak mengkehendaki maka tidak akan berlaku. Namun jika Allah mengkehendakinya, hal-hal yang tampak susah dan sulit sekalipun akan menjadi lancar dan mudah. Renungkanlah firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Ali Imran ayat 159:

إِنَّا عَزَمْتُ مَقْرَنًا عَلَى اللَّهِ...
رَبِّ اللَّهِ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Tafsirnya: "Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang bertawakkal."

Ikhtiar waktu pandemik

Di kala musim pandemik ini, tetapkanlah hati untuk tetap bersungguh-sungguh dalam apa jua pekerjaan yang dilaksanakan. Bekerja keraslah dan janganlah berputus asa dan mudah menyerah. Disamping itu iringi pula penat lelah kita itu dengan Doa, Sabar, Syukur dan Redha dengan ketentuan Allah disamping suburkan hati yang bersangka baik dengan Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Kemudian, taati dan bantulah util amri dengan mematuhi panduan dan SOP yang ditetapkan.

Patuhi SOP adalah Ikhtiar

Dalam sama-sama mencegah penularan Covid-19, bersamasamalah kita terus menerus berikhtiar mematuhi SOP dan protokol kesihatan serta janganlah kita leka dan lalai dari mengikuti nasihat-nasihat yang sangat berguna khususnya daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ini termasuklah komitmen kita memakai sungkup muka, kerap mencuci tangan, menjaga penjarakan sosial, rehat yang mencukupi, makanan yang halal lagi baik (thayyib) dan sentiasa berdoa serta tawakkal kepada Allah Taala.

Hikmah Ikhtiar

Selangkah kita berikhtiar, maka adalah lebih baik dari seribu langkah tanpa ikhtiar. Adapun ikhtiar itu amat sarat dengan hikmah. Dengan ikhtiar, maka hilanglah rasa malas, murug dan keluh kesah. Bahkan ia mampu menumbuhkan harapan dan motivasi untuk terus berusaha, dan inilah tanda orang yang beriman. Dengan ikhtiar, kita mulai bergantung harap sepenuhnya kepada Allah Taala dalam apa jua tindak tanduk kita sekaligus mengurangkan kebergantungan kita kepada selainNya.

Doa Mufti Kerajaan

"Allahumma ya Allah, kami pohonkan kemampuanMu hanya Engkau jualah yang berhak mengampunkan itu. Ya Allah, kami pohonkan pertolonganMu, hanya Engkau jualah yang berhak memberikan pertolongan itu. Kami datang kepadaMu ya Allah, kerana Engkau sahaja yang tidak pernah menutup pintuMu kepada siapa sahaja dari kalangan hambaMu. Kami datang ya Allah ya Kami datang kerana Kami sudah tiada daya upaya lagi untuk menotak dan melawan Covid-19 melainkan cuma dengan pertolonganMu jua..."

Ya mohon, mohon ya Allah. Berkat ayat-ayatMu yang telah kami baca, Ayat Al-Kursi, Ayat Hasbunallahu wa Ni'mal Wakil, Surah Yaasin, Selawat ke atas NabiMu Sayyidina Muhammad ﷺ dan doa-doa yang diajarkan oleh Baginda. Mohon, mohon ya Allah supaya Engkau bebaskanlah kami, bebaskan negara kami dan bahkan bebaskan dunia seluruhnya dari cengkaman pandemik Covid-19. Bebaskan kami ya Allah supaya kami dapat memeriahkan semula rumah-rumahMu - masjid-masjid. Kami rindu rumahMu ya Allah, kami rindu untuk sujud di dalamnya, kami rindu dan kami rindu..."

- Doa Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned, Mufti Kerajaan

Berikhtiar / Berusaha Dalam Suasana Pandemi

Adapun ikhtiar itu adalah amat luas cakupannya. Ia merangkumi usaha fizikal seperti mencari rezeki yang halal dan mematuhi peraturan, usaha mental seperti mencari ilmu dan pengalaman, usaha rohani seperti beribadah, berdoa, bertawakal dan bermacam-macam lagi usaha. Usaha-usaha berikut jika diadunkan dengan mematuhi syariat Allah Subhanahu wa Taala, ia bukan sahaja merupakan amalan yang terpuji lagi membuahkan pelbagai kebaikan dunia bahkan juga kebaikan di akhirat kelak yang kekal abadi, bukan sahaja kebaikan untuk diri kitani, bahkan juga kebaikan kepada keluarga, masyarakat dan negara sekaligus sebagai jalan untuk memperkuat keimanan, ketaqwaan dan tawakkal kitani, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala dan Surah At-Talaq ayat 2-3:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ
إِنَّ اللَّهَ بِالْعُمْرَةِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Tafsirnya: "...Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakan rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusanNya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu."

Rasulullah ﷺ juga bersabda, yang bermaksud: "Sungguh menakjubkan urusan seorang mukmin, semua urusannya adalah baik baginya. Hal ini tidak didapatkan kecuali pada diri seorang mukmin. Apabila mendapatkan kesenangan, dia bersyukur, maka yang demikian itu merupakan kebaikan baginya. Sebaliknya apabila tertimpa kesusahan, dia pun bersabar, maka yang demikian itu merupakan kebaikan baginya." (Hadith Riwayat Muslim)

Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus menerus menganugerahkan kepada kita semua kesihatan, ke'afiatan, rezeki yang halal dan banyak, umur yang penuh keberkatan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Ameen ya Rabbal 'Alamin.

والله ولي التوفيق